

Teks Ucapan Amanat Ybhg Prof Dato' Dr. Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera dan apa khabar?

Terima kasih pengacara majlis dan terima kasih kepada Ustaz Yazid di atas bimbingan doa. Semoga majlis kita ini akan mendapat keberkatan.

Terlebih dahulu izinkan saya melahirkan rasa penuh kesyukuran kerana sekali lagi kita semua dapat berkumpul di awal tahun dan juga kita telah dapat melalui tahun-tahun sebelum ini dengan kesihatan yang baik, kehidupan yang penuh dengan kesejahteraan dan limpah Rahmat serta kurniaan yang tidak terhingga dari Tuhan Yang Maha Esa.

Melalui kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga UNIMAS dan semoga tahun 2012 akan memberi kita kejayaan yang berlipat ganda dalam usaha kita untuk menerajui bidang pengajian tinggi bukan sahaja di peringkat universiti ini tetapi di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Majlis pada hari ini mencipta satu lagi sejarah buat UNIMAS, kerana buat pertama kalinya majlis amanat tahun baru diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman (DeTAR) yang serba indah dan hebat ini. Kali ini, kita menjemput semua warga kampus untuk turut hadir tidak kira jawatan dan pangkat. Oleh itu saya amat berterima kasih di atas kehadiran semua dan semoga majlis kita ini akan mendapat berkat Tuhan Yang Maha Esa.

Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, rasa bersyukur dan berpuas hati di atas segala pencapaian yang telah dinikmati oleh UNIMAS sepanjang tahun 201, dan juga tahun-tahun sebelum ini. Ini semua terhasil atas sumbangan serta komitmense semua lapisan warga UNIMAS yang telah banyak berkorban dan mencurahkan khidmat terbaik sehingga kita telah mencapai pelbagai kejayaan serta kemajuan yang boleh kita dibanggakan.

Namun tahun 2011, kita lalui dengan banyak cabaran, contohnya, kita tidak diperuntukkan jawatan-jawatan baru untuk diisi manakala bagi bajet 2011 telah dikurangkan oleh pihak kerajaan. Begitu juga kita tidak diberikan langsung peruntukan untuk pembangunan yang mana telah menjejaskan sedikit perancangan infrastruktur kita di kampus ini. Disamping itu, di peringkat peribadi saya juga tercabar dengan berbagai masalah dan juga cabaran di mana saya juga telah menghadapi cabaran merawat isteri saya yang mendapat barah payudara. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan

dan doa hingga hari ini beliau mendapat rawatan yang terbaik dan menjalani proses pemulihan dengan jayanya.

Pada tahun ini amanat saya akan memfokus kepada Pelan Strategik UNIMAS “Transformasi Untuk Kejayaan, Komitmen Untuk Kecemerlangan.” Kerana ini merupakan kali pertama saya berpeluang untuk menyampai dan berkongsi dengan semua warga kampus tentang hala tuju, perancangan, kaedah pelaksanaan dan juga hasil-hasil yang ingin kita capai. Saya rasa kali ini amat bertepatan kerana tahun 2012 kita akan menyambut ulangtahun ke dua puluh kewujudan universiti ini. Oleh itu adalah diharap dengan amanat ini kita sama-sama dapat membina azam dan bersatu hati dan bekerja sebagai satu pasukan yang kuat dan berkesan untuk kecemerlangan UNIMAS.

Dua tahun lepas saya telah mengumumkan bahawa UNIMAS bercita-cita menjadi mencapai status universiti penyelidikan menjelang tahun 2015. Oleh itu adalah penting bagi kita memahami dan menghayati hasrat ini dan dapat ditransformasikan dalam bentuk tindakan-tindakan serta komitmen yang lebih strategik. Untuk makluman semua, Pelan Strategik yang akan saya bentangkan ini adalah hasil buah fikiran dan sumbangan dari berbagai pihak dalam kalangan warga kampus ini. Bukan saya sorang. Pelan Strategik ini juga telah dibentangkan untuk mendapatkan persetujuan daripada Lembaga Pengarah Universiti dan akan digunakan sebagai landasan untuk kita terus membawa UNIMAS ke mercu kegemilangan.

Begitu juga kita mengharapkan agar usaha dan komitmen yang tinggi dari semua pihak termasuk pengurusan, staf akademik, kumpulan pengurusan dan professional, kumpulan pelaksana dan pelajar untuk kita dapat berusaha dan mencapai misi dan visi universiti yang kita sayangi ini.

Sebelum saya memulakan pembentangan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan TNC, Pendaftar, Ketua Bahagian Jaminan Kualiti, Bendahari, Ketua Pustakawan, Pengarah Pembangunan dan semua ahli senat yang telah memberi *input* dan cadangan dalam saya menyediakan amanat kali ini.

Dear friends and colleagues, as the start of this new year 2012, may I stand my warmest good wishes to all along with my gratitude for your continuous support and commitment for this beloved University of ours. Therefore at this juncture of our growth especially celebrating UNIMAS twentieth anniversary, I wish to share with you our UNIMAS’s Strategic Plan. We need to put in place a number of transformation plans and also to execute many activities that we have proposed and agreed in order to bring this university the greater high. Therefore I would like to seek your full support and cooperation in implementing our Strategic Plan.

Dalam saya membentangkan Pelan Strategik UNIMAS kali ini, saya akan menyentuh beberapa perkara sebelum saya pergi kepada Pelan Strategik itu sendiri saya ingin

membincangkan beberapa isu yang perlu kita tahu bukan sahaja di sekitar UNIMAS tetapi di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat luar negara. Saya akan cuba menggunakan lebih kurang, satu jam 20 minit, jadi saya akan menyentuh sedikit tentang apa yang berlaku di luar *the world has change*...dunia telah berubah, yang kedua kita lihat transformasi Pengajian tinggi di Malaysia dimana kita adalah salah seorang pemain....player yang amat penting, ketiga saya akan melihat UNIMAS sepintas lalu bersempena dengan ulangtahun kita yang keduapuluh, dan seterusnya saya akan membentangkan pencapaian dan penghasilan yang telah kita dapat sepanjang tahun 2011 dan intipati pada petang ini Pelan Strategik UNIMAS maksudnya apakah perkara yang kita harus buat dari segi inovasi dalam kita melaksanakan transformasi itu dan akhir sekali ialah kata penutup.

The world has change, saya ingin berkongsi ini sebab ia berkait rapat dengan apa yang akan saya bincangkan selepas ini. *US Amerika and the rest of the world* kalau kita lihat sekarang ini di media antarabangsa membincangkan kenapa Amerika sekarang terasa mereka telah diketepikan oleh negara lain. Adakah Amerika itu tidak berkuasa lagi? Pada pandangan saya, Amerika sebenarnya bukannya lemah..Amerika sebenarnya masih kuat masih mempunyai kuasa yang boleh mempengaruhi dunia lain...negara lain. Tetapi yang pentingnya negara-negara ini telah lebih maju, jadi bukan masalahnya Amerika itu lemah tetapi banyak Negara lain telah lebih maju. Contohnya, kita lihat China, Eropah dan Rusia telah menjadi kuasa-kuasa yang mengimbangi kuasa Amerika, jadi Amerika sekarang tidak boleh lagi sewenang-wenang membuat keputusan yang mewakili seluruh dunia. Ada pihak lain yang boleh mengkritik mereka, memberi komen dan pendapat dengan Amerika, jadi ini memberikan satu keseimbangan.

Manakala kita lihat Jepun dan Korea ialah peneraju teknologi terkini, contohnya Korea adalah negara yang paling maju dari segi ICTnya kalah Amerika dan negara lain. Begitu juga dengan India, India bukan sahaja negara kedua paling ramai rakyatnya dan dijangkakan dalam tahun 2020 mereka akan melepasi China daripada bilangan penduduknya dan ekonominya begitu pesat dan mereka telah banyak mengeluarkan begitu ramai knowlegde workers yang telah pun dieksport ke seluruh dunia.Begitu juga dengan Brazil, kalau 20 tahun dahulu Brazil merupakan sebuah negara yang begitu kucar-kacir *inflation 300% atau 3000%* kerajaannya begitu diktatorial manakala sekarang dengan kerajaan dan politik yang stabil mereka telah mencapai kemajuan ekonomi yang begitu baik dan dijangkakan dalam masa dekad yang akan datang mereka akan menjadi antara lima ekonomi terbesar di dunia. Turki..Turki pun begitu juga sebelum ini tidak dipandang orang baharu-baharu ini Turki dengan transformasinya dapat mewujudkan lebih tiga juta pekerjaan baru dan ini telah menukarkan ekonomi negara itu. Dan itu yang positif, transformasi politik..yang negatif kita lihat pergolakan di Timur Tengah dari Egypt, Tunisia, Libya, Yaman, Bahrain, Iran, Syria dan krisis hutang Greece yang bernilai lebih 100 billion Euro dan perubahan kepimpinan di Korea Utara ini mempengaruhi kehidupan kita.

Adakah transformasi berlaku ini menjurus kepada satu arah kebaikan sahaja? Jawapan nya, tentu ada kebaikan dan adanya keburukan.

Manakala dari persaingan dari segi teknologi pula, kita lihat Nokia dan Motorola dahulu adalah monopoli teknologi *handphone*. Mereka telah diambilalih oleh Apple dan Samsung kerana mereka tidak ada plan transformasi. Mereka kekal dengan model lama mereka dengan menjual *hardware* sahaja manakala syarikat-syarikat baharu menggunakan *software* sebagai modal perniagaan mereka. Kita lihat Apple, Samsung, Microsoft, Google...Google dia punya value lebih 100 billion US dollar. Malaysia mempunyai bajet pada tahun lepas adalah lebih kurangsiapa tahu ? 70 billion US dollar dan kita punya pendapatan tahun ini dijangkakan lebih kurang 60 billion dollar maknanya satu syarikat di Amerika tu sama dengan negara kita, bagaimana kita hendak melawan Amerika....kita ini kerdil sebenarnya dari segi nilai. Manakala teknologi baru akan terus mempengaruhi kita seperti industri baru akan terus seperti Internet TV, iPhone, facebook, mobile wallet, "virtual is real" *sometime we don't how to distinguish between virtual or real*, benda yang real, benda yang real tak sebenarnya real, sukar mana yang real, *nanotechnology* dan *green technology*.

Saya petik ini daripada perkataan yang digunakan oleh Jane Fonda semasa saya melihat satu rancangan televisyen. *The anchor person ask her about what do think about politics now especially in the state? She says the politician nowadays is "Lack of political civilization and respect, too much left and right and too much greed"* sebab itu dunia banyak bergolak dan berkocak dan banyak masalah dan ada juga artikel yang saya baca mengenai orang yang boleh membuat ramalan..bukan ramalan cuacadia kata mungkin tahun ini *21hb December will be the end of the world* and dia begitu yakin. Saya serahkan kepada anda semua untuk menilai sama ada benda ini betul tidak. Ini adalah benda yang berlaku di sekeliling kita...hari-hari kita akan mendengar benda macam ini. Jadi di manakah Malaysia berada? Kalau di Amerika dia cuba melawan Turki untuk mewujudkan peluang pekerjaan baru, di Amerika dia ada cerita, dia nak balik kepada fundamental maksudnya dia kata *the teacher teaches atau teacher teaching, policeman policing, fireman fight fire. What happen to the rest of American? The rest of American are busy checking facebook and that's why they cannot getting job.* Apa yang berlaku di Malaysia? Kita masihlah merempit...kita masih lagi bercerita pasal Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu, Bahasa English, kita masih lagi bercerita tentang tandas yang kotor, kita lagi masih berbincang tentang sama ada hari Valentine itu patut disambut atau tidak. Kita masih lagi mempertikaikan isu-isu asas seperti orang potong *queue*, tak cakap terima kasih,... jadi kita masih di tahap itu...manakala orang lain telah memperoleh kemajuan yang berlipat kali ganda.

Pelan strategik yang akan saya ingin bincangkan pada petang ini adalah transformasi untuk membawa UNIMAS kepada yang lebih positif. Kita jangan buang masa kerana kita tidak mempunyai masa untuk menceritakan benda yang kecil-kecil dan remah

temeh walaupun benda itu bukan kita kata tidak penting tetapi kita harus berikan keutamaan yang lebih kepada yang lebih besar.

Sebelum saya pergi kepada transformasi UNIMAS, kita lihat transformasi di peringkat kementerian dan kebangsaan. Kementerian ditubuhkan pada 2004, dengan tujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi di rantau ini dan juga sebagai satu agenda untuk mewujudkan modal insan yang berkualiti untuk negara dan memberi peluang yang lebih banyak kepada anak-anak muda melanjutkan pengajian di universiti. Justeru itu, kita mesti tekankan aspek kualiti kerana kualiti sangat penting sebab kita dibandingkan dan disaingi orang luar. Kita didedahkan dengan pelan strategik di peringkat kementerian, dan ini adalah fasa-fasa perlaksanaannya yang harus kita tahu. UNIMAS akan memastikan pelannya selari dengan yang dibentangkan oleh kementerian supaya kita selari dan menyokong pelan strategik Kementerian Pengajian Tinggi. Sekarang kita telah memasuki fasa yang kedua iaitu fasa pengukuhan dan pembaikan untuk tahun 2011 hingga 2012. Dan kita telah buat asas kita begitu kukuh di akhir tahun lepas.

Saya ingin berkongsi sedikit amanat YB Datuk Seri Mohd. Khaleed Nordin pada 26 Januari yang lepas berkaitan dengan Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Pengajian Tinggi di peringkat kebangsaan. Tema beliau pada tahun ini adalah “ Berfikiran Global dan bertindak Lokal”. Beliau dia mahu setiap universiti dalam apa sahaja kita buat hendak bertaraf dunia dan membandingkan dengan apa yang berlaku di luar negara supaya kita mencapai tahap kualiti yang tinggi tetapi aplikasinya mestilah lebih utamakan di dalam negara supaya manfaatnya dapat dinikmati dalam negara ini dan kita dapat melonjak seiring negara maju pada tahun 2020. Ini adalah berkaitan dengan perubahan persekitaran universiti sendiri iaitu autonomi, lima universiti telah diberikan autonomi dan di fasa kedua empat lagi universiti akan diaudit untuk diberi autonomi, UNIMAS adalah salah satu universiti tersebut bersama dengan Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah.

Ini adalah amanat YB Menteri, beliau hendak membudayakan aspek pendidikan itu, beliau mahu kita lebih menekan kekuatan dalam negara maknanya bila kita membuat penyelidikan, gunakan sumber di dalam negara dan aplikasikan teknologi yang tinggi supaya kita boleh menjadi pemimpin dalam negara tersebut. Kalau kita hendak bersaing dengan negara luar dan dengan teknologi yang ada di luar, dengan menggunakan sumber di luar maka kita akan sentiasa di belakang. Di Sarawak kita sangat bertuah, kerana banyak perkara unik yang kita boleh buat yang tidak terdapat di negara lain. Kalau kita mampu membuat penyelidikan yang berkualiti dengan sendirinya kita akan terkenal di seluruh dunia. Secara keseluruhannya Menteri mendedahkan lapan agenda, 64 inisiatif untuk tindakan dalam tahun 2012.

Bersempena dengan sambutan 20 tahun kita, sepintas lalu secara ringkasnya 20 tahun lalu nama UNIMAS itu telah dipilih dari awal supaya menjadi sebagai satu *brand* satu *Trade Mark* bukan UMS, bukan UTM, bukan UM. UNIMAS ..nama itu

supaya sedap disebut bukan ringkasan, so macam HSBC dahulu Hong Kong & Shanghai Bank Corporation ...orang sebut HSBC sahaja it's a brand...so kita pun nak macam tu ...it's a brand...RHB Bank bukan Rashid Hussein Bank...*it's a name by itself so eventually UNIMAS* bila disebut sahaja UNIMAS ...orang tahu siapa UNIMAS.

Visi kita ini amat menarik dan begitu cantik sekali dalam sebagai warganya perlu tahu dan menghayati isi kandungannya iaitu pertama, menjadi universiti pilihan, universiti contoh di peringkat negara dan antarabangsa, ketiga, kita nak menjadi pilihan dalam kalangan pelajar dan staf sebab kita ada kecemerlangan. Kita mestilah menggunakan *core business* kita iaitu ilmu itu sebagai sumber, oleh itu kita mesti menjananya, menyebarkan dan menerangkan, tetapi bukan dengan cara biasa, mestilah secara strategik dan inovatif supaya supaya memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Manakala motto kita "Contemporary and Forward Looking" ini kita laksanakan bukan sebab ia sedap disebut. Kontemporari bermaksud apa saja kita buat di universiti ini dari segi perwatakan kita, hubungan dengan orang luar, pakaian kita, bangunan kita, kampus kita, program akademik kita, semua mesti bersifat kontemporari, tidak ditelan zama, masa kini dan mesti ada unsur-unsur berpandangan jauh. Secara ringkasnya, di UNIMAS ada kesinambungan yang begitu baik, tidak ada kacau bilau, tidak ada demonstrasi, tidak ada pembangkang dan kesinambungan ini mesti berjalan lancar, telus dan yang terbaik.

Dari segi prasarana, sejarah kita bermula di Pusat Damansara, di Rumah Budaya dan kita juga menggunakan Kolej Latihan Telekom sebelum pindah Kampus Timur yang kita banggakan pada hari ini. Kita bangga sebab kita salah satu universiti di Malaysia yang mendapat dana khusus daripada Kerajaan Jepun yang diusahakan sendiri oleh Tun Mahathir yang ketika itu Perdana Menteri Malaysia. Kita menggunakan dana Jepun untuk membina kampus ini dan tidak ada universiti lain yang menggunakan dana Jepun sebab itu kualiti kita lain, kualiti Jepun. Sayangilah kampus ini, jangan sia-siakan kampus yang serba indah ini. Menteri sendiri memberitahu kampus UNIMAS adalah kampus yang tercantik di Malaysia. Lihatlah gambar ini, boleh jadi gambar poskad, gambar calendar. Jangan lupa di samping Kampus Timur dan Kampus Barat, ada orang tak tahu, kita ada juga *city* kampus kita Fakulti Perubatan dan Kesihatan dan kita ada Pusat Latihan Staf di Bau. Kita ada banyak aset sebenarnya, kita ada lapan fakulti, kita ada beberapa pusat sokongan dan perkhidmatan akademik dan penyelidikan, dan kita telah menubuhkan lima Institut Penyelidikan dan lapan Pusat Kecemerlangan, ini menunjukkan kita telah berkembang maju dari segi penyelidikan dan pembangunan dan kita telah membuat sedikit *adjustment* dalam bidang-bidang yang ingin kita terajui.

Tapi cabaran bagi saya adalah apabila saya selalu dikritik di kementerian, walaupun mempunyai kampus yang besar, cantik dan mahal tetapi bilangan pelajar masih kecil ini. Ini statistik tahun lepas, kita masih jauh jika dibandingkan dengan golongan universiti komprehensif dalam kategori yang sama dengan kita antaranya UUM

31,617 orang pelajar, UIAM 29,802 pelajar, UMS yang lebih muda daripada kita 18,017 pelajar, UiTM 223,000 ribu pelajar. UNIMAS walaupun kita telah berusaha dengan begitu kuat tetapi masih lagi 10 ribu lebih...11 ribu, di mana silapnya kita ini? Universiti merupakan sebuah institusi kerajaan yang telah membuat pelaburan yang begitu tinggi tetapi kita tidak menjalankan tugas yang sepatutnya. Beberapa tahun yang lepas, kita telah memberikan penekanan yang begitu serius tentang pengambilan pelajar, kita juga telah memantapkan program kita supaya lebih menarik, syarat-syarat kemasukan telah dikaji semula supaya setanding dan sama dengan orang lain dan Alhamdulillah dengan kerja kuat semua pihak, pertama kalinya UNIMAS telah menjadi pilihan pelajar-pelajar untuk ambilan baru-baru ini termasuk pelajar ambilan Februari sesi 2011/2012 minggu depan pertama kali kita mencecah empat ribu orang. Sebelum ini, bilangan pelajar kita cuma lebih kurang seribu atau seribu lebih sahaja. Adakah kita ini tak laku? Peningkatan pelajar antarabangsa juga meningkat walaupun bilangannya kecil, tetapi peningkatannya begitu mendadak, tahun 2010 seramai 91, tahun 2011 seramai 169 dari 27 buah negara. Kita telah membuat pelbagai promosi dalam dan luar negara dan mod pengambilan pelajar juga kita telah pelbagaikan bukan satu pengambilan sahaja tetapi kita ada dua pengambilan. Kita ada Asasi Sains dan sebagainya, dan semua fakulti dan dekan-dekan telah membuat komitmen dalam salah satu agenda Pelan Strategik kita dalam tahun 2015 kita akan mengadakan 50 program akademik, sekarang kita ada 34 ke 35 program dan semua fakulti telah bersetuju untuk menambah lagi. Bilangan dan kualiti perjawatan akademik pun akan dikaji semula supaya bilangan mereka membuat ijazah PhD lebih tinggi dan kita pun sedang berfikir nak menambah ruang untuk pembelajaran dan pengajaran.

Dari sudut penyelidikan kita telah menyusun semula fungsi dan nama institut penyelidikan, contohnya, *Institut of Software Technology* dahulu kepada iSITI dan IDEA dulu kita tukar kepada InDI. Sekarang kita ada lima institut dan lapan pusat dan terbaru kita ada *Center of Excellence for Disability Studies (CoEDS)* di bawah Dr Ling How Kee, tahun lepas kita dapat 63 Geran Penyelidikan berjumlah RM4,053 juta, projek perundingan 69, dan kita telah menjalankan 12 kursus jangka pendek iaitu Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam RM10 juta. Dari segi nak menaikkan taraf dari segi pengukuran yang dipanggil MyRA. Kita telah membuat penilaian kita secara dalaman seperti yang dibuat oleh QAD. Tahun 2009 markah kita 43.2%, tahun 2010 52.4%, tahun lepas kita jangka peningkatan 60%. Yang penting kita ada peningkatan walaupun ada yang mungkin menurun bukan sebabnya kita tidak aktif tapi kurangnya geran penyelidikan yang disediakan oleh Kerajaan.

Kita telah menganjurkan banyak persidangan antarabangsa dan kebangsaan, dari segi penerbitan kita juga setanding dengan universiti-universiti penyelidikan yang lain, kita ada 161 penerbitan dalam SCOPUS dan 74 dalam ISI WoS dan bahan penerbitan kita banyak juga citationnya 1170 dalam SCOPUS dan 839 dalam ISI WoS kita juga telah menang banyak anugerah dalam pertandingan-pertandingan inovasi kebangsaan dan luar Negara, *the latest one Seoul International Innovation Fair* kita

telah menghantar 12 penyertaan dan kita menang 7 emas, 2 perak dan 3 gangsa. Dari segi peratusan yang menang emas, UNIMAS paling besar dari seluruh Negara. Universiti lain menghantar berpuluh-puluh produk tapi menang sikit sahaja, kita pula hantar 12 semua dapat anugerah. Tahniah!

Kita pun cuba meningkatkan keupayaan penyelidikan kita dan kita adakan *Research Capacity Program* terutama kepada yang muda-muda dalam bentuk workshop sebagainya. Lain-lain pencapaian kita pada 2011 seperti PKMA, tahniah kepada Puan Margaret dan staf semua, kerana telah mendapat pensijilan ISO 9001:2008, tahniah! Tahun ini pula cabaran untuk CICTS mendapatkan pensijilan ISO dan kita juga yakin mereka akan dapat. Kita telah memantapkan arkib kita sebab khazanah universiti ini bersepah-sepah kita cuba letakkan di satu tempat supaya khazanah tentang universiti ini, segala kemajuan yang kita capai diletak di satu tempat. Kita juga telah ada Electronic Billboard satu-satunya di Sarawak ini dan telah mendapat kelulusan khas daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kita telah menganjurkan Konsert Canselor yang pertama dan berjaya, kita menganjurkan berbagai aktiviti-aktiviti yang hebat seperti Sukan IPT Borneo, kita ada kampus radio sekarang, kita ada peniagaan yang begitu meluas di media kebangsaan seperti satu program baru-baru ini, saya pun kagum dalam program RTM simfoni alam, projek tentang dolphin kita begitu hebat semua orang dah tahu, wawancara media kita ramai staf kita dah masuk TV terutama berkaitan dengan politik, walaupun dia sensasi tetapi kita famous dan yang penting kita berbincang dalam bentuk ilmiah bukan emosional, bukan kita terpengaruh dengan sesiapa, dan oleh kerana kita professional masyarakat tidak boleh mengkritik kita.

Kita juga telahpun menubuhkan Alumni, kita aktif di seluruh negara. Student Pavilion kita merupakan satu-satunya green building di Kuching, kita telah menubuhkan *UNIMAS Research Station* di Bario dan baru-baru ini dari keputusan MyMohe semua IPTA dinilai dari segi kualiti data. Kita menghantarkan data kepada kementerian dari segi ketepatan, kemaskini dan masanya kita adalah yang pertama daripada semua university... tahniah semua. Yang paling membanggakan kita di tangga ke-200 universiti terbaik di Asia. Ini semua adalah hasil kerja sebagai warga kampus.

Dari segi prasarana, kita telah siapkan Fakulti Ekonomi, DeTAR PUTRA ini, sekarang ramai orang luar nak pakai sebab mereka kagum dengan kemudahan kita, Fakulti Sains Sosial, Institut Kajian Asia Timur pun dah berpindah, Kompleks Sukan dan Rekreasi, sekali lagi kita memiliki Kompleks Sukan yang terbaik di antara IPTA, Tahniah Encik Humprey! Setiausaha Bahagian Sukan di Kementerian dan Timbalan KSU berkata, "you make other univerisity jealous of your sport complexes", our futsal court is the best in the whole Sarawak, dan kita punya kolam renang adalah *Olympic standard*.

Kita tidak lupa dari segi keperluan akademik, kita sentiasa memikirkan memberi ruang yang lebih untuk *teaching and learning* dan MEP adalah pusat jantung kepada kampus ini dimana semua aktiviti kita berpusat di sini, dua projek lagi yang masih

dalam pembinaan adalah Pusat Islam, insyaallah, kita akan cuba siapkan sebelum pelajar baru masuk dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan kita cuba *push* kalau boleh *end of this year* atau *next year*, jadi semua keluarga kita nanti akan berada di kampus ini.

Sekarang saya nak sentuh dari segi Pelan Strategik kita, ke arah pencapaian status Universiti Penyelidikan pada tahun 2015, seperti saya kata pelan ini bukan milik saya seorang, bukan milik pengurusan tertinggi, bukan milik ahli senat tapi adalah milik kita semua sebab itu saya rasa bersyukur pada petang ini saya dapat berkongsi kepada semua warga kampus tidak kira jawatan, tidak kira pangkat dan sebagainya. Ini walaupun ianya lebih berbentuk bidang utama universiti iaitu akademik dan penyelidikan tetapi peranan dan kerjasama semua diperlukan. Saya harap warga kampus memberi penekanan dan perhatian serious dalam perkara ini dan dokumen ini akan diwar-warkan secara meluas kepada seluruh warga kampus. Sebelum kita membuat sesuatu kita harus mempunyai satu landasan, apakah falsafah ataupun benda yang harus kita jadikan pegangan kemana saja kita pergi. Bila kita bincang-bincang tidak lain tidak bukan kualiti itu adalah pegangan kita sebab kalau kita menghayati kualiti itu apa sahaja yang kita bukan kita akan sentiasa membuat penambahbaikan sebab itu kita ada polisi UNIMAS supaya dalam apa sahaja yang kita lakukan dari segi akademiknya, penyelidikannya, kesarjanaannya mestilah berunsurkan kualiti yang tinggi. Maksudnya kalau orang datang ke UNIMAS, masuk sahaja ke kampus kita dan berjumpa sahaja staf kita, dia tahu ini adalah satu organisasi yang berkualiti. Satu lagi harapan saya, tahap ini yang paling hebatlah, masuk sahaja dalam kampus kita, dia boleh menghidu kualiti, ada auranya tersendiri. Itulah kualiti yang kita nak capai sebab itu kualiti penting. Apa yang kita nak *contribute our core business is our education group and our main customer* adalah student kita. Kita nak berikan satu *education* yang paling terbaik, supaya kita dapat menambah lagi pelajar kita, 10 ribu pelajar tak cukup. Pada tahun 2015 kita nak 15 ribu pelajar supaya kita dapat berikan ilmu pengajian tinggi kepada lebih ramai generasi muda.

Dan *Life-long learning* kita dah ada polisi yang khusus dan bahagian yang bertanggungjawab adalah CTTC. Kita bukan sahaja menawarkan program-program akademik yang lazim, kita juga menyediakan program berbentuk kursus, program professional, kursus jangkapendek kepada masyarakat umum supaya ini sebagai satu sumbangan kita kepada masyarakat dan juga sumber pendapatan kepada universiti. Kepada pensyarah-pensyarah yang mempunyai kepakaran adalah dialu-alukan mengemukakan modul supaya kita boleh memasarkan dan menjualkannya kepada masyarakat umum.

Research, kita bukan sahaja membuat research untuk mendapatkan geran, kadangkala ada pensyarah yang begitu bersemangat untuk mendapatkan geran tetapi selepas mendapatkan geran tersebut mereka menjadi lesu untuk menjalankan

penyelidikan mereka akhirnya geran yang diperolehi tidak dibelanjakan. Setiap akhir tahun geran kita mesti dibelanjakan 60% sekurang-kurangnya. Kita mendapat duit belanja dan berbelanja tetapi berbelanja mengikut geran. Bila kita buat MoU bukannya sesuka hati, kita ada perancangan kita, macamana kita nak menerokai kawasan rantau tersebut contohnya Cambodia, Laos, Vietnam dan sebagainya ataupun kita nak terokai Indonesia, kita nak terokai Turki contohnya kita perlu ada strategi. bukan sewenang-wenangnya sebab kita melihat hubungan antarabangsa ini penting. Satu dari segi pengiktirafan, keduanya rakan penyelidikan, ketiga sumber pelajar-pelajar antarabangsa dan sebagainya.

Kita nak lihat dari segi produk kita, pelajar kita, sebagai kakitangan universiti kita harus tahu, walaupun anda semua dalam jawatan yang berbeza-beza ini adalah tugas utama kita untuk melahirkan pelajar yang bermutu tinggi dan mempunyai kualiti-kualiti yang istimewa dan sebagainya.

Dari segi penyelidikan, sekarang kita telah mencipta nama, dalam tempoh 20 tahun kita, UNIMAS telah mencipta nama dalam lima bidang dan banyak lagi bidang lain juga telah mendapat pengiktirafan tetapi ini telah ditetapkan sebagai salah satu kumpulan penyelidikan yang kita berikan penekanan untuk kita lebih cemerlang dan dikenali. *Biodiversity and Environmental Conservation* salah satu projeknya, Projek Dolphin itu mendapat pendedahan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah peringkat antarabangsa, *Emerging Tropical Infection Diseases* telah mendapat pengiktirafan dari WHO, rakan teras nombor 2, kita juga telah diiktiraf menjadi sebagai salah satu pusat penyelidikan Malaria dan juga penyakit-penyakit baru yang timbul di kawasan ini, kita punya Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti, *Malaria Research Centre, ICT Development and ICT for development, ICT* untuk pembangunan teknologi tinggi dan penggunaan ICT untuk masyarakat kita kemudahan ICT untuk masyarakat begitu aktif dengan kerjasama Fakulti Sains Komputer dan IT, dan yang lain Renewable and Green Technology dengan SCORE kita telah meletakkan diri sebagai salah satu pemain utama. Kerajaan negeri mengharapkan UNIMAS membantu mereka dan kita telah menjalankan kajian tenaga manusia untuk kerajaan negeri Sarawak dan ini telah digunakan sebagai bahan rujukan ke mana-mana sahaja kerajaan negeri pergi membuat promosi tentang SCORE. Industrial Design, kita telah banyak memenangi anugerah di peringkat antarabangsa jadi lima bidang ini telah meletakkan UNIMAS di Peta Dunia, tapi ini bukan bermakna kita menghadkan bidang yang lain, yang lain masih boleh menonjolkan diri masing-masing dan mendapat sokongan dari universiti.

Dari segi Pelan Strategik kita dalam program akademik, saya telah sebutkan tadi ini adalah statistik tahun 2007 dan apa yang nak kita capai pada 2015. Yang berwarna biru gelap adalah komitmen baru fakulti anda semua, kalau dekan tak beritahu inilah dia, ini janji dekan kepada university. So mahu tak mahu kena capai ini tahun 2015 contohnya Fakulti Ekonomi paling ambitious bersemangat tinggi dia nak menggandakannya daripada empat program menjadi lapan, Fakulti Perubatan

walaupun dalam keadaan mereka yang begitu terhad dengan bangunan yang tidak ada hospitalnya mereka sanggup untuk menambah programnya, 2 program lagi. Fakulti Kejuruteraan nak tambah enam lagi, Fakulti Sains Kognitif jadi tiga, Fakulti Sains Komputer enam, FSGK tujuh, FSS tujuh dan FSTS paling hebatlah sepuluh. Ini janji mereka bukan janji saya. Dia dah sains dah Aku Janji. Itu strategi kita yang pertama, yang kedua dari segi kebolehpasaran graduan kita. Kalau dilihat di mana-mana universiti di dunia dia akan berbangga graduan mereka akan diambil oleh majikan diluar tanpa soal jawab maksudnya they are recognized. Kita punya target pada suatu masa nanti kita akan sekurangnya 70% graduan kita akan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas mereka bergraduasi sekarang kita dah capai lebih kurang 52%, so jadi nanti setiap dekan akan dapat laporan mereka masing-masing dalam itu akan ditunjukkan prestasi fakulti masing-masing dari segi kebolehpasaran graduan fakulti masing-masing dan secara umum di universiti 50% sahaja yang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi.

Satu lagi kita punya pelan untuk meningkatkan universiti ke tahap yang lebih tinggi dari segi pengambilan pelajar yang telah saya katakan tadi dan semua fakulti pun melalui Aku Janji tadi dengannya meningkatkan bilangan program maka secara automatiknyanya bilangan pelajar pun akan meningkat, jadi akan bertambah kerja lah penolong pendaftar, penolong pegawai tadbir, juruteknik, banyak kerja lah sekarang sebab ramai student, so di kolej pun banyak pelajar penyelenggaraan pun toilet pun banyak kotor banyak bocor jadi ini adalah cabaran-cabaran kita harus bersedia bila ramai pelajar banyaklah masalah.

Ini dari segi kualiti teaching and learning kita bukan sahaja harus berbangga dengan bilangan pelajar ramai tapi kita harus juga tengok dari segi kualiti mereka itu *the quality of our student in term of their performance. We cannot just be proud of the number of the students that we have, we must be proud of the quality of the student but unfortunately in Malaysia we cannot decide the type of student we can see but I think we stop arguing because that's no way that we can change the policy at the moment unless we get autonomy but at the moment we try to improve our delivery, our program, our course content, our assessment*, sebab itu kita ada post graduate diploma in teaching and learning. Jadi ini adalah statistik yang telah kita sedia ada dari pencapaian pelajar kita dari segi kualiti kalau dilihat berapa orang yang lebih daripada 3.0 so setiap fakulti pun akan diberi maklumat-maklumat ni dari segi pencapaian pelajar mereka masing-masing supaya mereka boleh melihat dan berbincang dalam fakulti macamana nak improve. Bila kita tekan kualiti ini dan statistik bukan bermakna kita nak beri pelajar kita senang mendapat A, jangan. Mungkin ada fakulti nak rekod dia bagus jadi mereka make it simple for the student to score A. So jadi laporan dekan nanti cantik semuanya A. Jangan lah macam tu.

Dari segi keupayaan Penyelidikan kita dibandingkan 2007 dan 2010 dengan institut yang telah bertambah. Dari segi publication, ini adalah trend-trend ini adalah pengukuran yang akan dilihat oleh pihak luar. Ini macam measurement lah dari segi

prestasi kita, jadi dia akan lihat dari segi penyelidikan kita, publication kita dan sebagainya, jadi saya rasa bangga lah sebab *being such a small university and quiet new we have achieve very significant progress in last few years*. Dan juga kita telah banyak dirujuk oleh orang lain dari segi citationnya. Kita ada sikit masalah dari segi kita di Sarawak mempunyai masalah dari segi menarik bilangan pelajar Master dan PhD. Mungkin Master tak berapa susah tapi PhD so bilangan pelajar PhD kita masih rendah, jadi kalau kita nak menjadi sebuah universiti yang setaraf universiti penyelidikan bilangan pelajar PhD pun mesti ramai jadi kini kita akan giatkan promosi dan juga program penggalakkan supaya kita boleh tarik lebih ramai pelajar membuat ijazah PhD di UNIMAS. Kadang-kadang bilangan masuk tu ramai tapi bilangan yang graduat tu sikit sangat dia banyak yang hanyut ke mana-mana ramai beria-ria nak buat PhD lepas setahun datang hilang. Jadi kita ada masalah dari segi masyarakat luar pun ingat PhD tu senang sangat.

